

## KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

### STATISTIK KAPASITI PENGGUNAAN INDUSTRI PEMBUATAN SUKU KEDUA 2024

#### Industri Pembuatan beroperasi pada kapasiti penggunaan 82.1 peratus pada suku kedua 2024

**PUTRAJAYA, 21 OGOS 2024** – Industri Pembuatan beroperasi pada kapasiti penggunaan 82.1 peratus pada suku kedua 2024. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Statistik Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan, Malaysia, Suku Kedua 2024** pada hari ini.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Kapasiti penggunaan industri Pembuatan adalah 82.1 peratus pada suku kedua 2024, yang meningkat 3.8 mata peratus berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya (ST2 2023: 78.3%). Pada suku ini, semua subsektor mencatatkan kapasiti penggunaan melebihi 80 peratus, dengan subsektor Kelengkapan pengangkutan dan pembuatan lain merekodkan kadar tertinggi pada 86.0 peratus; diikuti dengan Produk tekstil, pakaian, kulit dan kasut (82.8%); dan Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka (82.3%). Berbanding suku tahun sebelumnya, kapasiti penggunaan industri Pembuatan meningkat 1.3 mata peratus (ST1 2024: 80.8%). Kadar kapasiti penggunaan yang lebih tinggi turut digambarkan dalam peningkatan Indeks Pengeluaran Perindustrian bagi industri Pembuatan sebanyak 4.9 peratus berbanding setahun lalu.”

Peningkatan tahun ke tahun dalam kapasiti penggunaan direkodkan sepanjang suku kedua 2024, yang mana April (80.3%; +3.8 mata peratus), Mei (82.7%; +3.5 mata peratus) dan Jun (83.2%; +4.0 mata peratus) dengan bulan Mei dan Jun mencatatkan kadar tertinggi sejak Januari 2023. Tambahan lagi, faktor-faktor seperti permintaan yang rendah; bekalan bahan yang tidak mencukupi; dan pemberian & penyelenggaraan mesin & kelengkapan kekal sebagai penyebab utama kepada kapasiti penggunaan tidak penuh dalam industri Pembuatan.

Ketua Perangkawan menambah, “Kapasiti penggunaan bagi industri berorientasikan eksport meningkat sebanyak 3.9 mata peratus kepada 81.3 peratus (ST2 2023: 77.4%). Pembuatan jentera dan peralatan t.t.t.l. mencatatkan kadar tertinggi iaitu pada 88.5 peratus, diikuti dengan Pembuatan perabot (85.8%). Namun begitu, dua industri merekodkan kapasiti penggunaan di bawah 80 peratus iaitu Pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan (75.4%); dan Pembuatan kayu dan produk kayu dan gabus, kecuali perabot; pembuatan bagi artikel jerami dan bahan-bahan anyaman (74.8%). Berbanding dengan suku tahun sebelumnya, kadar kapasiti penggunaan bagi industri berorientasikan eksport meningkat 1.8 mata peratus daripada 79.5 peratus.

Pada masa yang sama, industri berorientasikan domestik turut berkembang sebanyak 3.4 mata peratus kepada 83.7 peratus. Tiga industri dalam segmen ini mencatatkan kadar kapasiti penggunaan melebihi 85 peratus, iaitu industri Pembuatan produk tembakau (94.7%); Pembuatan kenderaan bermotor, treler dan semi treler (88.3%); dan Pembuatan produk farmaseutikal asas, kimia perubatan dan botani (85.6%). Sebaliknya, kadar penggunaan kapasiti terendah telah dicatatkan oleh industri Pembuatan kertas dan produk kertas dengan 77.1 peratus. Berbanding suku pertama 2024, industri berorientasikan domestik meningkat 0.1 mata peratus daripada 83.6 peratus.”


Kadar kapasiti penggunaan industri Pembuatan di tujuh buah negeri melepas dari kadar nasional pada suku kedua tahun 2024, iaitu WP Labuan (94.3%), Terengganu (84.8%), Pahang (84.7%), Selangor (84.6%), Negeri Sembilan (84.4%), Melaka (83.5%), dan Johor (83.3%). Hampir semua negeri mencatatkan peningkatan kadar kapasiti penggunaan tahun ke tahun, kecuali Terengganu dan Kelantan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


## Carta 1: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan – Tahunan, Suku Tahunan dan Bulanan



## Carta 2: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan mengikut Subsektor, ST2 2024 berbanding ST2 2023 dan ST1 2024




### Carta 3: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan mengikut Negeri, ST2 2024



Nota: \* termasuk WP Putrajaya

**Carta 4: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan bagi Industri Berorientasikan Eksport dan Berorientasikan Domestik, ST1 2021 – ST2 2024**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
21 OGOS 2024**

# MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514 Federal Territory of Putrajaya  
Telephone : 03 - 8090 4681

## MANUFACTURING INDUSTRY CAPACITY UTILISATION STATISTICS SECOND QUARTER 2024

**The Manufacturing industry operated at a capacity utilisation of 82.1 per cent in the second quarter of 2024**

**PUTRAJAYA, AUGUST 21, 2024** – The Manufacturing industry operated at a capacity utilisation of 82.1 per cent in the second quarter of 2024. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of **Manufacturing Industry Capacity Utilisation Statistics, Malaysia, Second Quarter 2024**.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician said, “The capacity utilisation of the Manufacturing industry was 82.1 per cent in the second quarter of 2024, which increased by 3.8 percentage points compared to the same quarter of the preceding year (Q2 2023: 78.3%). In this quarter, all sub-sectors posted capacity utilisation above 80 per cent, with the highest rate recorded by the Transport equipment and other manufacturers sub-sector at 86.0 per cent; followed by Textiles, wearing apparel, leather and footwear (82.8%); and Non-metallic mineral products, basic metal and fabricated metal products (82.3%). In comparison with the previous quarter, the capacity utilisation of the Manufacturing industry rose by 1.3 percentage points (Q1 2024: 80.8%). The higher capacity utilisation rate was also reflected in the expansion of the Industrial Production Index for the Manufacturing industry by 4.9 per cent as compared to a year ago.”

The year-on-year increase in capacity utilisation was recorded throughout the second quarter of 2024, which was April (80.3%; +3.8 percentage points), May (82.7%; +3.5 percentage points) and June (83.2%; +4.0 percentage points) with May and June posted the highest rate since January 2023. In addition, factors such as low demand; insufficient supply of materials; and the repair & maintenance of machinery & equipment

remained as the main cause of the under-utilisation of capacity in the Manufacturing industry.

The Chief Statistician added, “The capacity utilisation in the export-oriented industries increased by 3.9 percentage points to 81.3 per cent (Q2 2023: 77.4%). The Manufacture of machinery and equipment n.e.c. registered the highest rate at 88.5 per cent, followed by the Manufacture of furniture (85.8%). However, two industries recorded the capacity utilisation below 80 per cent namely Manufacture of vegetable and animal oils and fats (75.4%); and Manufacture of wood and products of wood and cork, except furniture; manufacture of articles of straw and plaiting materials (74.8%). In comparison with the previous quarter, the capacity utilisation rate of the export-oriented industries rose by 1.8 percentage points from 79.5 per cent.

In the meantime, the capacity utilisation in the domestic-oriented industries also expanded by 3.4 percentage points to 83.7 per cent. Three industries in this segment posted a capacity utilisation rate above 85 per cent, namely the Manufacture of tobacco products (94.7%); the Manufacture of motor vehicles, trailers and semi-trailers (88.3%); and the Manufacture of basic pharmaceutical, medicinal chemical and botanical products (85.6%). Conversely, the lowest capacity utilisation rate was posted by the Manufacture of paper and paper products industry with 77.1 per cent. As compared to the first quarter of 2024, the capacity utilisation in the domestic-oriented industries went up by 0.1 percentage points from 83.6 per cent.”


The Manufacturing industry capacity utilisation for seven states surpassed the national rate in the second quarter of 2024, namely WP Labuan (94.3%), Terengganu (84.8%), Pahang (84.7%), Selangor (84.6%), Negeri Sembilan (84.4%), Melaka (83.5%), and Johor (83.3%). Nearly all states registered a year-on-year increase in the capacity utilisation rate, except for Terengganu and Kelantan.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM is conducting the Agriculture Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.


**Chart 1: Manufacturing Industry Capacity Utilisation –  
Yearly, Quarterly and Monthly**



**Chart 2: Manufacturing Industry Capacity Utilisation by Sub-sector,  
Q2 2024 as against Q2 2023 and Q1 2024**




**Chart 3: Manufacturing Industry Capacity Utilisation by State, Q2 2024**



Note: \* includes WP Putrajaya

**Chart 4: Manufacturing Industry Capacity Utilisation of the Export-oriented and Domestic-oriented Industries, Q1 2021 – Q2 2024**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
21 AUGUST 2024**